

# UiTM HARI INI DALAM SEJARAH

## 19 DISEMBER 2022

### HARI ALUMNI UiTM DISAMBUT PADA SETIAP 19 DISEMBER

Pada 19 Disember 2022 Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah mengumumkan bahawa 'Hari Alumni UiTM' bakal disambut oleh seluruh alumni UiTM pada setiap 19 Disember. Tarikh berkenaan dipilih berdasarkan tarikh Majlis Konvokesyen UiTM yang pertama atau ketika itu dikenali sebagai Dewan Latehan RIDA iaitu pada 19 Disember 1964. Hari bersejarah tersebut telah menyaksikan 50 graduan menerima diploma dan sijil yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak Hussein, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu.

Sehingga hari ini, 968,161 skrol telah dianugerahkan kepada graduan UiTM seluruh Malaysia dan telah berjaya melahirkan 642,118 Alumni UiTM.

Daripada jumlah tersebut, seramai 59,188 alumni berdaftar di bawah 41 persatuan alumni yang telah disahkan pada peringkat Pengurusan Tertinggi Universiti, serta juga berdaftar di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS).

Pengisytiharan 19 Disember sebagai Hari Alumni UiTM adalah sebagai tanda penghargaan kepada para alumni UiTM yang menjadi pemangkin kepada kelestarian pembangunan ekosistem universiti mampan. Pengisytiharan tersebut dibuat oleh Naib Canselor UiTM, YBhg. Profesor Datuk Ts. Dr Hajah Roziah Mohd. Janor bersempena dengan Istiadat Konvokesyen yang berlangsung di UiTM Cawangan Sarawak.



Gambar sekitar majlis Konvokesyen yang berlangsung di UiTM Cawangan Sarawak.

#### Rujukan:

Team, N. (2022, December 20). *Hari Alumni UiTM Disambut Pada Setiap 19 Disember*. UiTM News Hub. <https://news.uitm.edu.my/hari-alumni-uitm-disambut-pada-setiap-19-disember/>

EDISI DISEMBER